

# Program kesedaran Eko Kampus UMS tingkat kesedaran pelajar

UB 15-5-2013 A2

KOTAKINABALU: Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini telah menganjurkan program 'EcoCampus Awareness Week 2013'.

Dengan slogan "Save the Nature, SPE be the First", program itu berlangsung selama empat hari iaitu bermula dari 6 hingga 9 Mei

lalu.

Pengarah pengurusan Eko Kampus UMS, Awangku Hassan Bahar Pengiran Bagul berkata objektif program itu adalah untuk memupuk pengetahuan dan kesedaran mengenai alam sekitar.

Katanya, ia juga dijadikan sebagai garis panduan kepada pelajar dalam melestarikan

alam sekitar di dalam kampus.

"Pelajar SPE juga telah tampil mengambil subjek Pengurusan Acara Khas sebagai tanda sokongan terhadap projek Eko Kampus di samping menunjukkan keprihatinan mereka terhadap alam sekitar.

"Ini juga adalah selaras dengan pelan pemuliharaan

alam sekitar UMS iaitu projek Eko Kampus yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun," katanya.

Awangku Hassan Bahar berkata, sepanjang program itu berlangsung, beberapa aktiviti turut diadakan seperti pertandingan fotografi iaitu 'Persekitaran Asli di Kampus kami', pameran Fesyen Eko Kampus, Eko Pelancongan dan juga ceramah mengenai makna Eko Kampus.

Selain itu katanya, terdapat acara konvoi basikal serta kuiz pelajar mengenai Eko Kampus bagi meningkatkan lagi kesedaran pelajar dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

"Go Green harus dilakukan secara berterusan bagi mengekalkan kesejahteraan pelajar di kampus khususnya UMS," katanya.

Turut hadir, Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS, Profesor Madya Dr Arsiah Bahron, pensyarah-pensyarah SPE dan Miss Earth 2012, Joanna Marie Faurillo dan Grace Chang.



ARSHIAH (empat kiri), Joanna (tiga kiri) dan Grace (dua kiri) merakamkan kenangan dengan ahli jawatankuasa yang lain.